

Dr **Mohd Yahya Mohd Ariffin**



(Profesor Madya dan Timbalan Dekan, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia)

# Membentuk pemimpin cara **USIM**

Tahniah kepada semua graduan institusi pengajian tinggi (IPT) yang telah dan akan menerima ijazah masing-masing dalam Majlis Konvokesyen. Tentunya sebahagian mereka telah bekerja sementara yang lain sedang mencari pekerjaan yang sesuai dengan kelulusan masing-masing.

Mereka ialah pemimpin masa depan negara yang akan mempraktikkan dalam dunia kerjaya masing-masing mengenai apa yang dipelajari ketika menuntut ilmu di kampus.

Pada 23 dan 24 November ini giliran Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) mengadakan konvokesyen yang ke-10. Pada kali ini seramai 1,346 graduan menerima ijazah masing-masing. Sehingga kini, USIM melahirkan seramai 6,612 graduan sejak menghasilkan 236 graduan sulung pada 2003.

Matlamat penubuhan universiti yang bertunjangkan ilmu Islam ini ialah melahirkan graduan yang mampu memimpin masyarakat majmuk untuk menerajui pembangunan negara melalui penghayatan nilai Islam di samping memberi sumbangan kepada dunia sejagat.

Ini selaras dengan misinya yang bertekad menjadi sebuah institusi ilmu yang terkehadapan berteraskan

pengajian Islam bagi menyelesaikan isu-isu masyarakat dan Islam.

## **Cara USIM membentuk pemimpin masa depan**

Universiti ini memupuk dan mengasah bakat kepimpinan dalam kalangan pelajarannya untuk mencapai matlamat melahirkan graduan sebagai al-Abrar (penyumbang) yang bersifat wasatiah, iaitu budaya kecemerlangan, adil dan seimbang dalam bidang yang diceburi.

Penulis amat bersetuju dengan ciri-ciri yang digariskan oleh Naib Canselor USIM, Prof Datuk Dr Muhammad Muda dalam menyediakan modal insan al-Abrar ini

yang memiliki sikap sedia berbakti dengan taat serta berbuat baik dan beramal kebajikan.

Allah SWT berjanji kepada golongan al-Abrar seperti dalam al-Quran yang bermaksud: "Sesungguhnya orang-orang yang berbakti (iaitu al-Abrar) (dengan taat dan amal kebajikan), tetap berada dalam syurga yang penuh nikmat" (Surah Almutaffifin: ayat 22 dan Surah Al-Infitar: ayat 13).

## **Berikut ialah ciri-ciri al-Abrar:**

**Golongan yang suka memberi berbanding menerima** Melatih pelajar USIM supaya mempunyai sikap suka memberi kepada orang lain yang memerlukan.

## **Golongan yang suka menyumbang berbanding menuntut sumbangan**

Menanam sikap suka menyumbang idea, kewangan dan tenaga yang memberi faedah kepada orang lain. Sebaliknya, tidak menyumbang kepada meningkatnya permasalahan masyarakat.

## **Golongan yang mendahulukan orang lain berbanding kepentingan diri**

Memupuk pelajar supaya mengutamakan orang lain dalam tindakan yang dilakukan, misalnya mendahulukan membayar balik pinjaman PTPTN untuk kegunaan pelajar lain.

## **Golongan yang membina (constructive) berbanding memusnahkan (destructive)**

Melatih pelajar supaya mampu menambah baik apa yang ada dalam masyarakat dan negara ini dengan mengembangkan idea yang inovasi.

## **Golongan mencari kebaikan orang berbanding mencungkil keburukan**

Memupuk pelajar supaya menghargai kebaikan orang atau pihak yang membantu mereka. Misalnya, kerajaan yang memberi peluang belajar di IPT serta bantuan kewangan sewajarnya dihargai.

## **Golongan yang ikhlas berbanding oportunistik**

Menjadikan pelajar insan yang ikhlas dalam membantu masyarakat serta menjauhi sikap oportunistik yang suka mengambil kesempatan.

## **Golongan yang positif berbanding negatif**

Membentuk pelajar supaya sentiasa bersikap dan berfikir positif dalam sebarang tindakan yang dilakukan bertujuan memantapkan sahsiah diri sebelum berhadapan dengan dunia realiti yang mencabar.

## **Sehubungan ini, USIM mewujudkan beberapa program untuk pelajar-nya, iaitu:**

### **Program Transformasi Diri**

Program ini berasaskan kemahiran insaniah. Dua perisian aplikasi dibangunkan iaitu MyKI bagi pelajar merancang, melaksana dan memantau pembangunan kemahiran insaniah, manakala Al-Tulabiyyah iaitu perisian yang merekodkan setiap aktiviti pelajar ketika pengajian.

### **Program Kecemerlangan Mahasiswa**

Pelajar berbakat akan dipupuk dan digilap kebolehan mereka untuk dilonjakkan menjadi juara dalam program debat, sukan, seni dan

kebudayaan. Program ini akan diangkat ke peringkat antarabangsa bagi mendedahkan para pelajar.

### **Program Transformasi Kepimpinan Mahasiswa**

Bakat kepimpinan unggul diperluas kepada pemimpin pelajar dalam majlis perwakilan pelajar dan kemasyarakatan. Ia bertujuan melatih mereka supaya peka dan biasa dengan isu kemasyarakatan meliputi kepenggunaan, alam sekitar, kebangkitan sosial dan kesejahteraan remaja.

### **Program Global Islamic Students Outreach**

USIM cuba memanfaatkan mobiliti merentasi sempadan dalam bentuk dakwah secara amali (da'wah bil hal) pada peringkat antarabangsa. Ia bertujuan membina jati diri pelajar dan memberi pendedahan antarabangsa terhadap kesejahteraan ummah.

### **Program Kepimpinan Muda Muslim Bagi Masa Depan**

Program ini melibatkan pelajar tahun dua yang mempunyai potensi sebagai pemimpin dengan kelayakan akademik cemerlang serta memiliki ciri-ciri kepimpinan. Program ini menggunakan modul dan pengisian kepimpinan dalam dan luar negara.